

11/09/2000

Spekulasi Mohd Isa letak jawatan masih hangat

SEREMBAN, Ahad - Spekulasi Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar masih menjadi perbualan hangat di kalangan pelbagai pihak, termasuk peringkat akar umbi dan pemimpin politik negeri ini.

Walaupun Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu enggan mengulas mengenai spekulasi berkenaan, ada antara mereka mahu beliau sendiri memberikan penjelasan meyakinkan.

Bagi mereka, keengganan beliau berbuat demikian akan menimbulkan pelbagai andaian.

Menurut beberapa pemimpin dan ahli, spekulasi berkenaan wujud sejak beberapa bulan lalu.

Selepas melancarkan Pesta Masakan dan Makanan Tradisional 2000 di Taman Sei Budaya Muzium Negeri, di sini, semalam, Mohd Isa berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai spekulasi kononnya beliau akan meletakkan jawatan.

Antara lain beliau berkata: "Buat apa nak susah-susah... saya tak ada nak kata. Saya kata, saya tak nak sebut lagi (perkara ini). Kalau nak tulis, itu kamu punya hal."

Seorang pemimpin kanan Badan Perhubungan Umno negeri yang enggan namanya disiarkan berkata, beliau pernah mendengar cakap-cakap ini sebelum ini, tetapi tidak tahu sumbernya.

"Entahlan, kalau saja diada-adakan tidak tahulah. Malah sukar ditentukan kesahihan spekulasi berkenaan," katanya yang juga seorang pemimpin kanan bahagian.

Sementara itu Ketua Pergerakan Wanita Umno negeri, Datuk Napsiah Omar, menyifatkan spekulasi peletakan Mohd Isa hanya mainan politik.

Katanya, yang penting ialah setiap ahli memastikan parti tetap kukuh dan kerajaan yang dipilih oleh rakyat tetap kuat.

Napsiah berkata, semua pihak perlu bertenang dan tidak memikirkkan sangat spekulasi itu kerana pelantikan Menteri Besar adalah kuasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya yakin Perdana Menteri akan membuat keputusan terbaik seperti masa lalu," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ampangan, Zakaria Nordin, pula meminta tidak ada pihak cuba mengambil kesempatan daripada spekulasi itu.

Katanya, spekulasi itu perlu dihentikan kerana kepemimpinan Mohd Isa masih diperlukan kerana agenda pembangunan yang dirancangnya perlu dilaksanakan sepenuhnya.

(END)